

# Saya sendiri akan beri perhatian: PM

# Gua Musang jadi kawasan angkat

Oleh NASHRULADDIN  
A RAHMAN dan  
NASIR HASSAN

**GUA MUSANG:** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan Gua Musang sebagai "kawasan angkatnya" dan memberi jaminan beliau sendiri akan memberi perhatian kepada pembangunan kawasan ini, termasuk masyarakat Orang Asli di Hulu Kelantan.

"Siapa pun calon Barisan Nasional yang menang, saya memberi jaminan bahawa saya sendiri sebagai Perdana Menteri, akan memberi perhatian kepada kawasan ini. Ini jadi kawasan angkat saya.

"Walaupun saya bertanding di Kubang Pasu, saya akan memberi perhatian kepada Gua Musang, kepada Orang Asli di Gua Musang dan masalah di Gua Musang akan dapat diberi layanan oleh kerajaan," kata Perdana Menteri ketika berucap dalam majlis perjumpaan dengan masyarakat Orang Asli di sini pagi ini.

Belia berkata, ini kerana Kerajaan Pusat mempunyai kemampuan kewangan untuk membangunkan kawasan ini untuk

faedah semua penduduknya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tahu ada golongan yang cuba menipu masyarakat Orang Asli kononnya parti pembangkang ialah kerajaan yang sedang memerintah negara ini.

Perdana Menteri berkata, Tengku Razaleigh Hamzah yang menjadi wakil rakyat Gua Musang, sebelum ini sebahagian daripada kerajaan kerana beliau menganggotai Umno.

Katanya, oleh kerana Tengku Razaleigh sebelum ini sebahagian daripada kerajaan, beliau mendapat peruntukan daripada kerajaan, bukan wangnya sendiri untuk membangunkan kawasan ini dan juga membantu masyarakat Orang Asli di Hulu Kelantan.

Bagaimanapun, katanya, Tengku Razaleigh kini bukan lagi dalam kerajaan kerana telah keluar daripada Umno untuk menubuhkan partinya sendiri.

Oleh kerana tidak ada kaitan lagi dengan kerajaan, katanya, Tengku Razaleigh tidak lagi mampu untuk membangunkan penduduk kawasannya, terutama masyarakat Orang Asli di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak yang boleh menolong masyarakat Orang Asli adalah kerajaan.

Beliau memberi jaminan akan terus memberi perhatian dan kemudahan kepada masyarakat

● Lihat muka 5

## Gua Musang jadi kawasan angkat

□ DARI MUKA 1

Orang Asli supaya sama dengan kaum lain di negara ini agar taraf hidup mereka terus meningkat.

Ini kerana kerajaan tidak mahu mereka terus hidup dan tinggal dalam hutan serta tersisih daripada masyarakat umum.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin rancangan pembangunan kerajaan sejak merdeka hingga sekarang, semakin meningkatkan taraf hidup Orang Asli, termasuk di bidang pendidikan, kerana ranaai yang mula memegang jawatan tinggi seperti pensyarah dan boleh mengajar orang Melayu.

Katanya, ini adalah berkat kesetiaan mereka kepada pemerintah yang ada pada hari ini.

Sehubungan itu, beliau mahu masyarakat Orang Asli terus memberi sokongan kepada kerajaan supaya nasib mereka terus terbelah.